



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (14)04/C/PD/656/4 Jil. 6

28 September 2020

Pk (EL) MPOB 03/2020

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Penapis

Semua Pemegang Lesen Kategori Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit

Semua Pemegang Lesen Kategori Pengimport Keluaran Kelapa Sawit

Tuan/ Puan,

PENANGGUHAN DAN TARikh BARU PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), KILANG PENAPIS (RF), PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX) DAN PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-110 yang telah diadakan pada 26 Ogos 2020 telah meluluskan penangguhan dan tarikh baru penguatkuasaan tambahan Syarat Lesen berkaitan keselamatan makanan dan minyak sawit yang berkualiti yang akan dikenakan ke atas kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Kilang Penapis (RF), Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX) dan Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM).

3. Lembaga akan menguatkuasakan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Penguatausaan (Pelesenan) MPOB 03/2020 (Pk (EL) MPOB 03/2020) sebagaimana yang dilampirkan. Sehubungan ini, Pekeliling Penguatausaan (Pelesenan) MPOB 01/2019 [Pk (EL) MPOB 01/2019] bertarikh 30 Oktober 2019 dan Pekeliling Penguatausaan (Pelesenan) MPOB 02/2020 (Pk (EL) MPOB 02/2020) bertarikh 18 Mei 2020 adalah terbatal

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatausaan (Pelesenan) MPOB 03/2020 (Pk (EL) MPOB 03/2020) bagi mengelak tindakan penguatausaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah, MPOB

Ulangtahun MPOB ke 20
Hari dan Selangor



- | | | |
|------|-------|---|
| s.k. | i. | Pengerusi MPOB |
| | ii. | Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPPK |
| | iii. | Setiausaha Eksekutif MPOA |
| | iv. | Setiausaha Eksekutif POMA |
| | v. | Setiausaha Eksekutif PORAM |
| | vi. | Setiausaha Eksekutif MEOMA |
| | vii. | Setiausaha Eksekutif EMPA |
| | viii. | Setiausaha Eksekutif NASH |
| | ix. | Setiausaha Eksekutif MEOA |
| | x. | Setiausaha Eksekutif SOPPOA |
| | xi. | Setiausaha Eksekutif ISP |
| | xii. | Setiausaha Eksekutif MOPDA |



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

| | | |
|--------------------|---|---|
| Rujukan Pekeliling | : | Pk(EL)MPOB 03/2020 |
| Tarikh Kuatkuasa | : | 1 Oktober 2020 |
| Perkara | : | PENANGGUHAN DAN TARikh BARU PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), KILANG PENAPIS (RF), PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX) DAN PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI |

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penangguhan dan tarikh baru penguatkuasaan tambahan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Kilang Penapis (RF), Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX) dan Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) amat komited menangani isu keselamatan makanan dalam minyak sawit bertapis. Dilaporkan bahawa kandungan bahan kontaminasi 3-monochloropropanediol ester (3-MCPDE) dan glycidyl ester (GE) dalam minyak sawit bertapis adalah lebih tinggi berbanding minyak sayuran lain dan kajian menunjukkan bahan-bahan kontaminasi 3-MCPDE adalah karsinogen yang akan memberi impak yang buruk ke atas kesihatan pengguna.
- 2.2 Sejajar dengan aspirasi tersebut dan hasil daripada kajian serta konsultasi bersama industri, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa suatu peruntukan undang-undang iaitu menambah syarat yang dikenakan pada lesen bagi kategori MF, RF, PX dan PM perlu dilaksanakan untuk kebaikan industri kelapa sawit negara bagi jangka masa panjang dan memberi impak yang maksima.
- 2.3 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-105 yang telah diadakan pada 24 Julai 2019 telah memutuskan untuk menambah syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori MF, RF, PX dan PM seperti berikut:

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- i) Larangan mencampur minyak sawit keladak dan minyak dari fiber mesokarpa yang ditekan dan diekstrak menggunakan pelarut ke dalam minyak sawit mentah ke atas semua kategori MF bermula pada 1 Januari 2020;
 - ii) Pematuhan spesifikasi kualiti untuk minyak sawit mentah ke atas semua kategori PX dan PM bermula pada 1 Julai 2020;
 - iii) Tahap maksimum minyak isirung sawit yang diproseskan (PPKO) 3-MCPDE pada 1.25 ppm dan GE pada 1 ppm ke atas semua kategori RF, PX dan PM bermula pada 1 Januari 2021;
 - iv) Tahap maksimum minyak sawit yang diproseskan (PPO) 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm ke atas semua kategori RF, PX dan PM bermula pada 1 Januari 2021;
 - v) Tahap maksimum PPO 3-MCPDE pada 1.25 ppm dan GE pada 1 ppm ke atas semua kategori RF (kilang penapis bersepadu), PX dan PM bermula pada 1 Januari 2022; dan
 - vi) Tahap maksimum PPO 3-MCPDE pada 1.25 ppm dan GE pada 1 ppm ke atas semua kategori RF (kilang penapis bebas) bermula pada 1 Januari 2023.
- 2.4 Keputusan Lembaga ini telah dimaklumkan kepada pemegang lesen kategori MF, RF, PX dan PM melalui Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2019 [Pk (EL) MPOB 01/2019] bertarikh 30 Oktober 2019 sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 48 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.
- 2.5 Walau apa pun, Mesyuarat Lembaga ke-108 yang telah diadakan pada 23 April 2020 telah mempersetujui tambahan syarat lesen berkaitan spesifikasi kualiti untuk minyak sawit mentah bagi kualiti standard klorin (Cl), maksimum 2.0 ppm ditangguhkan pelaksanaan penguatuasaannya sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan. Penangguhan ini telah dimaklumkan kepada pemegang lesen kategori PX dan PM melalui Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2020 (Pk (EL) MPOB 02/2020) bertarikh 18 Mei 2020.
- 2.6 Mesyuarat Lembaga yang sama juga telah memutuskan isu berkaitan penguatuasaan tahap maksimum PPO 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm ke atas semua kategori RF, PX dan PM dibincang dengan pihak yang terlibat untuk diselaraskan semula.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.7 Hasil rundingan dengan kumpulan sasaran, iaitu wakil utama dari persatuan-persatuan industri kelapa sawit yang terkesan dengan cadangan penguatkuasaan tahap maksimum PPO 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm telah dibentang dalam Mesyuarat Lembaga ke-110 pada 26 Ogos 2020.
- 2.8 Suatu pendekatan telah diambil dan susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-110 yang telah diadakan pada 26 Ogos 2020 telah memutuskan untuk menangguh dan bersetuju dengan tarikh baru penguatkuasaan tambahan syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Kilang Penapis (RF), Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX) dan Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM).
- 2.9 Bagi memastikan industri kelapa sawit Malaysia terus berkembang maju dan berdaya saing, semua pihak dalam rantai pengeluaran minyak sawit hendaklah berusaha dan komited untuk meningkatkan kualiti pengeluaran minyak sawit Malaysia.

3.0 PENANGGUHAN DAN TARIKH BARU PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN

- 3.1 Selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga ke-110, pada 26 Ogos 2020 Lembaga akan menguatkuasakan syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Kilang Penapis (RF), Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX) dan Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM) seperti di **Lampiran 1**.
- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit (RM200,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2020 [Pk (EL) MPOB 03/2020] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Kilang Penapis (RF), Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX) dan Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM).

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 4.2 Sehubungan ini, Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2019 [Pk (EL) MPOB 01/2019] bertarikh 30 Oktober 2019 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2020 (Pk (EL) MPOB 02/2020) bertarikh 18 Mei 2020 adalah terbatal.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2020**.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh: **28 September 2020**

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks: 603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpopb.gov.my>

LAMPIRAN 1

PENANGGUHAN DAN TARikh BARU PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF), KILANG PENAPIS (RF), PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX) DAN PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI

PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN DIKEKALKAN:

KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2020

- (i) Pemegang lesen tidak dibenarkan menambah semula minyak sawit keladak ke dalam minyak sawit mentah.
dan
- (ii) Pemegang lesen tidak dibenarkan mencampur yang termasuklah mencampur bersama, atau ditambah semula minyak dari fiber mesokarpa ke dalam minyak sawit mentah. Bagi maksud syarat ini, "minyak dari fiber mesokarpa" ertinya minyak yang dihasilkan daripada fiber mesokarpa yang telah ditekan dan diekstrak menggunakan pelarut.

PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN DITANGGUHKAN:

- 1. **KATEGORI PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX)**
- 2. **KATEGORI PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM)**

Tarikh Kuat Kuasa : DITANGGUHKAN

- (i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak sawit mentah, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada kilang buah kelapa sawit, pusat simpanan pukal, eksport, import, atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, mematuhi spesifikasi yang ditentukan oleh Lembaga sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual A: Spesifikasi Kualiti untuk Minyak Sawit Mentah.
- (ii) Pemegang lesen hendaklah memastikan import minyak sawit mentah mematuhi spesifikasi yang ditentukan oleh Lembaga sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual A: Spesifikasi Kualiti untuk Minyak Sawit Mentah.

dan

- (iii) Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak jualan atau belian; dan termasuk kontrak antarabangsa, antara pembeli dan penjual mematuhi spesifikasi yang ditentukan oleh Lembaga sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual A: Spesifikasi Kualiti untuk Minyak Sawit Mentah, dan keperluan lain oleh pembeli.

Jadual A: Spesifikasi Kualiti untuk Minyak Sawit Mentah

| Bil. | Ciri-ciri | Kualiti Standard |
|------|---|------------------|
| a. | Asid Lemak Bebas (FFA) (sebagai palmitik), % maks | 5.0 |
| b. | Kelembapan & Kotoran (M&I), % maks | 0.25 |
| c. | DOBI, min | 2.31 |
| d. | Klorin (Cl), maks | 2.0 ppm |

PINDAAN SYARAT LESEN DAN TARikh BARU PENGUATKUASAAN:

1. **KATEGORI KILANG PENAPIS (RF) DAN**
 2. **KATEGORI PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX)**
 3. **KATEGORI PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2023

- (i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak isirung sawit yang diproseskan, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada daripada kilang penapis, pusat simpanan pukal, eksport, import, atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 1.25 ppm dan GE pada 1 ppm .

dan

- (ii) Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak jualan atau belian; dan termasuk kontrak tempatan atau kontrak antarabangsa, antara pembeli dan penjual untuk minyak isirung sawit yang diproseskan bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 1.25 ppm dan GE pada 1 ppm, dan keperluan lain oleh pembeli.

- 1. KATEGORI KILANG PENAPIS (RF) DAN**
- 2. KATEGORI PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX)**
- 3. KATEGORI PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2023

- (i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak sawit yang diproseskan, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada daripada kilang penapis, pusat simpanan pukal, eksport, import, atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm .

dan

- (ii) Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak jualan atau belian; dan termasuk kontrak tempatan atau kontrak antarabangsa, antara pembeli dan penjual untuk minyak sawit yang diproseskan bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm, dan keperluan lain oleh pembeli.